

14/02/2001

Petani minta kerajaan naik harga padi

ALOR STAR, Selasa - Badan Bertindak Petani Kedah (BBPK) yang ditubuhkan pesawah di negeri ini meminta kerajaan menaikkan harga siling belian padi daripada RM550 kepada RM900 satu tan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Mereka mendakwa, kos pengeluaran yang tinggi serta faktor lain, termasuk perubahan dasar dan amalan kerajaan menyebabkan 22,000 daripada 63,000 keluarga petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) hanya memperolehi pendapatan purata RM250 sebulan.

BBPK mendakwa pendapatan petani yang mengerjakan kira-kira 8.5 hektar sawah setiap keluarga itu jauh lebih rendah daripada paras kemiskinan luar bandar, iaitu RM450 sebulan.

Tuntutan itu adalah antara lima perkara dalam memorandum yang akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengerusi Penyelaras BBPK, Ahsin Salleh, berkata harga belian padi wajar dinaikkan berdasarkan kenaikan kos input mengerjakan sawah pada masa ini.

"Kos pengeluaran padi dalam keadaan normal tanpa gangguan mencecah RM1,038.10 setiap hektar bagi musim 2000.

"Penghasilan padi setiap satu hektar ialah 4.5 tan. Ditolak dengan potongan wap basah 14 peratus dan pada harga siling 55 sen sekilogram, pendapatan petani hanya sekitar RM2,128.50.

"Selepas dicampur subsidi RM1,021.60 sehektar, pendapatan hanya RM2,112 sehektar semusim. Dibahagi pula kepada enam bulan untuk satu musim, pendapatan bulanan purata petani hanya RM352 sebulan," katanya.

Selain itu, kadar sewa jentuai juga meningkat sehingga RM120 setiap hektar berbanding RM60 sebelum ini.

BBPK juga meminta kadar potongan padi basah dikekalkan pada 10 peratus, membatalkan penswastaaan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), mengetatkan penguatkuasaan membanteras penyeludupan beras serta mengawal harga input pertanian, seperti racun.

Mengenai Bernas, Ahsin berkata, syarikat itu gagal menepati hasrat sebagai badan pengimbang menjaga kepentingan petani bagi pihak kerajaan dan justeru itu kerajaan perlu mengembalikan fungsi asal Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Katanya, Bernas gagal mengambil kira kepentingan petani kerana ia adalah pertubuhan swasta yang berorientasikan perniagaan dengan mengambil kesempatan mengaut keuntungan industri padi beras yang strategik.

"Kesan langsung penswastaaan adalah perlumbaan syarikat mengaut keuntungan dengan mengimport beras dan produk beras luar negara yang jauh lebih murah tanpa menghiraukan nasib pesawah kecil.

"Isu lambakan beras pula dijadikan senjata syarikat swasta menekan pesawah dengan mendesak kerajaan menurunkan harga padi tempatan dan meningkatkan kadar potongan wap basah 14 peratus," katanya.

Beliau juga berkata, harga input pertanian melonjak tanpa kawalan, kos sara hidup meningkat mendadak dan kelemahan sistem perparitan serta pembangunan tidak terkawal di kawasan penanaman padi menyebabkan pencemaran alam sekitar yang sekali gus terus menekan petani.

Justeru, BBPK mendesak kerajaan menurun dan mengawal harga input pertanian pada harga yang berpatutan dan mengisytiharkannya sebagai barang kawalan bagi mengurangkan kos pengeluaran padi.

Memorandum turut dihantar kepada Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri

Muhyiddin Yassin, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri; Ketua Pembangkang
Parlimen, Datuk Fadzil Noor; persatuan pekilang padi dan beras serta
Pertubuhan Peladang.

(END)